

28 MAR 1997

Air

PERLIS CADANG JADI PENGELUAR AIR GALIAN

KANGAR, 28 Mac (Bernama) -- Perlis bercadang menjadi pengeluar air galian untuk keperluan penduduk tempatan berikutan penemuan punca air bawah tanah di pinggir sebuah bukit di kawasan Chuping baru-baru ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata contoh air itu telah dikemukakan kepada Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) untuk kajian dan pengiktirafan.

"Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengeluarkan air galian berkenaan secara percubaan tetapi belum memasuki pasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kempen gaya hidup sihat peringkat negeri yang bertemakan "Makan Untuk Kesihatan" di Beseri dekat sini hari ini.

Shahidan berkata, sebagai permulaan air galian itu diagih secara percuma kepada pihak tertentu dan antara yang telah mencubanya ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan kerjanya ke negeri ini 15 Mac lepas.

Menurutnya, kerajaan negeri bercadang untuk mengkormesilkan pengeluaran air galian itu dan menjangka sebanyak RM500,000 akan dibelanjakan bagi melaksanakan industri itu.

Beliau berkata, sektor swasta juga akan dipelawa melaksanakan industri memproses air galian kerana kawasan sumber air berkenaan agak luas.

Berdasarkan pengamatan awal, kawasan simpanan air bawah tanah itu ialah sedalam satu kilometer dan panjangnya kira-kira enam kilometer.

Sementara itu ketika melancarkan kempen itu, Shahidan yang menerajui portfolio Kesihatan dan Kebajikan negeri berkata jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini dilarang mengimport air galian dari negara luar meskipun berharga murah.

Katanya, ada air galian import yang dikesan mengandungi kadar kekotoran yang tinggi dan boleh menjejaskan kesihatan.

Shahidan juga mengingatkan penganjur majlis kenduri supaya turut membekalkan air panas masak kepada tetamu bagi menjamin kebersihannya di samping air sirap yang menjadi kelaziman majlis. -- BERNAMA

AD HJ